

FLUIFORT SACHET

Carbocysteine (2.7g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Fluifort
2. Bagaimana Fluifort berfungsi
3. Sebelum menggunakan Fluifort
4. Cara menggunakan Fluifort
5. Semasa menggunakan Fluifort
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Fluifort
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Fluifort

Fluifort digunakan untuk merawat penyakit saluran pernafasan yang disebabkan oleh penghasilan lendir yang berlebihan.

Bagaimana Fluifort berfungsi

Fluifort mengandungi carbocysteine iaitu sejenis ubat *mucoytic*. Ia membantu mengurangkan kelikatan lendir untuk memudahkan pengeluaran kahak apabila anda batuk.

Sebelum menggunakan Fluifort

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Fluifort jika:

- anda alergik (hipersensitif) terhadap carbocysteine atau mana-mana bahan kandungan Fluifort yang lain (sila rujuk senarai bahan kandungan).
- anda mempunyai ulser di perut atau usus anda.
- anak anda di bawah umur 2 tahun.

- Sebelum menggunakan Fluifort

Fluifort tidak sesuai untuk individu yang menghidapi *phenylketonurics* (masalah metabolik yang mengakibatkan sawan, masalah tingkah laku dan gangguan mental).

Sila beritahu doktor anda sekiranya anda:

- pernah mengalami ulser di perut atau usus
- mengalami masalah tiroid

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat. Jangan gunakan Fluifor Sachet semasa tiga bulan pertama kehamilan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Fluifort

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: Satu paket setiap hari.

Cara penggunaan:

Larutkan kandungan paket ke dalam setengah cawan air dan kacau larutan sebelum diminum.

Fluifort tidak boleh digunakan untuk individu yang menghidap kencing manis.

Jangan gunakan Fluifort sachet untuk kanak-kanak.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Fluifort boleh diambil bersama makanan, sebelum atau selepas makan.

- Berapa lama perlu digunakan

Tempoh rawatan adalah di antara 4-10 hari hingga 20-30 hari atau lebih lama.

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Fluifort

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Fluifort.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Fluifort kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan Fluifort terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Fluifort boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Fluifort boleh menyebabkan alahan teruk dan tindak balas kulit yang serius. Hentikan penggunaan Fluifort dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang gejala berikut:

- Gastrousus: cirit-birit, muntah, mual, pendarahan gastrousus yang mungkin menyebabkan najis berwarna hitam
- Alergi yang teruk: kesukaran bernafas, pening, kulit bengkak, ruam
- Reaksi kulit yang teruk: kulit merah, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata
- Ketidakseimbangan hormon: hipo-tiroidisme (di mana kelenjar tiroid tidak menghasilkan hormon secukupnya)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Fluifort

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di tempat yang kering di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Serbuk berwarna kekuningan dengan bau oren.

Larutan serbuk: Larutan keruh berwarna putih kekuningan dan berbau oren.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Carbosysteine lysine salt
- Bahan tidak aktif
Cedar natural flavour, orange powder, povidone K30, citric acid, mannitol, aspartame.

- Nombor MAL

MAL12095095XC

Pengilang

Polipharm Co. Ltd.
109 Bangna-Trad Road, Bang Phli District, Samut Prakarn, 10540 Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

Eurodrug Laboratories (M) Sdn Bhd
T2-21-10, The Square, One City, Jalan USJ 25/1C, 47650 Subang Jaya, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

14/01/2022

Nombor Siri

NPRA(R4/1)100621/00044